

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 26 NOVEMBER 2014 (RABU)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Tekankan aspek kualiti dalam produk dan perkhidmatan – Ewon Ebin	BERNAMA
2.	MOSTI sedia biaya penyelidikan penawar penagih dadah	Utusan Malaysia
3.	MOSTI sedia biayai penyelidikan	Sinar Harian
4.	MOSTI sedia biaya penyelidikan	Harian Metro
5.	Festival Sains Negara tema sains forensik	Sinar Harian
6.	BNM serbu 2 syarikat tiada lesen	Harian Metro
7.	BNM, CyberSecurity serbu dua premis	Berita Harian
8.	Malaysia sasar jadi pelopor utama sektor bioteknologi	Sinar Harian
9.	Amaran angin kencang di perairan Sabah dan Labuan	BERNAMA
10.	Petron rancang perluas kempen keselamatan jalan raya di seluruh negara tahun depan	BERNAMA
11.	Mavcap mahu tingkat penyertaan bumiputera dalam agihan dana	Utusan Malaysia
12.	Getting a foot in the door	The Star



Tekankan Aspek Kualiti Dalam Produk Dan Perkhidmatan - Ewon Ebin

KUALA LUMPUR, 25 Nov (Bernama) -- [Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Ewon Ebin](#) menggesa semua sektor di negara ini mempertingkatkan kualiti produk dan perkhidmatan mereka sebagai persediaan bersaing di pasaran terbuka.

Katanya amalan sistem pengurusan kualiti universal dan berlandaskan standard yang diiktiraf di peringkat antarabangsa akan dapat menjamin konsistensi produk selain memastikan perkhidmatan yang cekap, berkesan dan beretika.

"Sistem pengurusan kualiti berkesan boleh dijadikan satu alat pemasaran bagi menjana kejayaan, dalam suasana liberalisasi perdagangan dan pasaran yang kompetitif," katanya pada perasmian Simposium Pengurusan Kualiti 2014, di sini Selasa.

Menurutnya kerajaan juga komited memastikan amalan berorientasikan pelanggan diberi tumpuan selain membudayakan akauntabiliti dan keselesaan pelanggan.

Simposium ke-11 itu dianjurkan oleh East Asia Quality Consultants Sdn Bhd dengan kerjasama [Agensi Nuklear Malaysia](#) dan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) serta disokong Jabatan Standard Malaysia dan Persekutuan Pengilang-pengilang Malaysia (FMM).

Antara yang penceramah kali ini ialah Dr Nigel Croft, Pengerusi Jawatankuasa Teknikal ISO yang bertanggungjawab dalam pelaksanaan standard ISO 9001 dunia.

Dalam pembentangannya, Croft berkata ISO 9001 kini dalam peringkat kajian semula untuk memasukkan elemen pengurusan risiko.

Turut dipertimbangkan ialah elemen inovasi, katanya.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 27
TARIKH : 26 NOVEMBER 2014 (RABU)



ABU BAKAR MOHAMAD DIAH (dua dari kiri) menyampaikan sijil kepada peserta Seminar Keselamatan Negara Dalam Mendepani Isu Dadah dan Jenayah di Auditorium Kompleks Kementerian Dalam Negeri, Ayer Keroh, Melaka, semalam.

MOSTI sedia biaya penyelidikan penawar penagih dadah

MELAKA 25 Nov. - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sedia membiayai sebarang bentuk penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi mencari penawar serta memulihkan kesihatan penagih dadah agar mereka dapat menjalani hidup sempurna.

Timbalan Menteri, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah berkata, beliau percaya dengan kecanggihan teknologi pada hari ini, usaha mencari penawar dadah itu tidak mustahil mampu ditemui, seterusnya memulihkan kesihatan penagih seperti mana penyakit kronik yang lain.

Menurutnya, kaedah pemulihan konvensional yang diguna pakai oleh agensi berkaitan seperti Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dalam merawat golongan itu masih boleh diteruskan namun jika aplikasi sains dan teknologi digunakan, kemungkinan tahap keberkesanannya dapat ditingkatkan.

“Banyak penyakit kronik seperti kanser dapat dirawat melalui penggunaan perubatan moden dan pegasanan awalnya juga menggunakan kemudahan teknologi, jadi adalah tidak mustahil kecanggihan teknologi juga mampu merawat penagih dadah.

“MOSTI sedia mengeluarkan peruntukan sehingga RM5 juta jika ada mana-mana pihak sudi membangunkan suatu produk yang dapat membantu merawat dan memulihkan kesihatan penagih dadah di negara ini,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada

pemberita selepas penutupan Seminar Keselamatan Negara Dalam Mendepani Isu Dadah dan Jenayah di Auditorium Kompleks Kementerian Dalam Negeri, Ayer Keroh, di sini hari ini.

Yang turut hadir Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) AADK, Izhar Abu Talib dan penganalisis jenayah, Kamal Affandi Hashim.

Abu Bakar berkata, MOSTI turut mencadangkan kepada AADK untuk menjalin kerjasama dengan institusi penyelidikan dalam negara membangunkan penyelidikan tentang pemulihan kesihatan penagih dadah dan memohon dana daripada kementerian.

Menurutnya, melalui kerjasama ‘flagship’ itu, MOSTI dapat mengeluarkan peruntukan sehingga RM40 juta bagi membiayai penyelidikan berkenaan.

Sementara itu, Izhar menyambut baik saranan MOSTI dan sentiasa terbuka dalam mencari kaedah terbaik merawat penagih dadah agar golongan itu dapat pulih sepenuhnya.

Menurutnya, statistik AADK menunjukkan bahawa 52 peratus penagih dadah yang berdaftar dengan agensi itu adalah penagih berulang dan 48 peratus penagih baharu.

“AADK sentiasa mencari kaedah terbaik dalam memastikan penagih dadah pulih sepenuhnya sama ada kaedah itu secara tradisional, keroanian dan penggunaan teknologi moden,” katanya.

KERATAN AKHBAR
SINAR HARIAN (DARI MELAKA / NEGERI SEMBILAN) : MUKA SURAT 09
TARIKH: 26 NOVEMBER 2014 (RABU)

Mosti sedia biayai penyelidikan

AYER KEROH - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) sedia membiayai penyelidikan bagi mencipta teknologi baharu memulihkan penagih dadah dengan segera tanpa menjalani kaedah rawatan konvensional yang dipraktikkan sekarang.

Timbalan Menteri, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah berkata, cadangan penciptaan alat baharu itu mungkin boleh menyelesaikan kemelut penagihan dadah berulang di kalangan masyarakat negara ini.

"Kita perlu mencipta satu alat baru, contohnya apabila pesakit diimbas dan masuk ke dalam peralatan itu, kita dapat mengubati mereka.

"Kenapa pesakit kanser boleh dirawat dengan peralatan moden, canggih dan tidak mustahil idea ini boleh dicipta," katanya kepada media selepas merasmikan Seminar Keselamatan Negara Dalam Mendepani Isu Dadah dan Jenayah Peringkat Daerah Melaka Tengah di Kompleks Kementerian Dalam Negeri di sini, semalam.



Abu Bakar (tengah) menyampaikan sijil penyertaan kepada peserta membabitkan guru kaunseling dan kakitangan kerajaan, semalam.

